

Pendekatan Terhadap Bukan Muslim dalam Gerakan Dakwah di Malaysia: Perbincangan Hadith-Hadith Berkaitan

*The Non-Muslim Approach to the Da'wah Movement in Malaysia: The Related
Hadith Discussions*

MUHAMMAD ARIF YAHYA & MUHAMMAD HAIKAL MOHD HEDZIR

ABSTRAK

Pendekatan terhadap bukan Muslim dalam gerakan dakwah di Malaysia dilihat memiliki pendekatan yang berbeza khususnya berkaitan hubungan politik dengan bukan Muslim. Perkara ini membawa implikasi dalam pemilihan dan pemahaman terhadap hadis-hadis oleh gerakan dakwah yang membincangkan pendekatan terhadap bukan Muslim. Artikel ini membincangkan hadith-hadith berkaitan pendekatan terhadap bukan Muslim dalam Gerakan Dakwah di Malaysia. Gerakan dakwah yang menjadi fokus kajian dalam melihat hadith-hadis yang dikemukakan ini ialah dua badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) di Malaysia iaitu Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) dan Pertubuhan Ikram Malaysia (IKRAM). Hadith-hadis yang dikaji meliputi aspek pendalilan dan pemahaman berkaitan pendekatan terhadap Bukan Muslim di kalangan Gerakan Dakwah ini. Hasil kajian mendapati bahawa hadis-hadis yang digunakan oleh kedua-dua gerakan dakwah ada yang menjadi persamaan dan perbezaan dalam pemahaman berkaitan pendekatan terhadap golongan bukan Muslim di Malaysia ini. Persamaan adalah berkaitan pemahaman terhadap isu al-Insaniah atau kebaikan berkaitan aspek kemanusiaan kepada bukan Muslim. Manakala isu perbezaan adalah aspek hubungan politik dengan bukan Muslim dimana ISMA melihat situasi politik di Malaysia dengan berpandangan tidak bersetuju pendekatan dalam kesepakatan politik (Tahaluf siyasi) bersama bukan Muslim disamping mendatangkan dalil yang menjurus kearah larangan tersebut. Manakala IKRAM lebih mengambil pendekatan membina hubungan politik bersama bukan Muslim dan lebih melihat kepada aspek tatakelola dan tadbir urusyang baik dalam pemerintahan disamping peluang menyampaikan dakwah dan suara Islam kepada bukan Muslim. Implikasi kajian ini memberikan pemahaman bahawa perbincangan hadis-hadis ini adalah bersifat ijithadi oleh kedua-dua gerakan dakwah dan setiap pandangan memiliki justifikasi serta hujjah masing-masing dalam usaha menjaga kemaslahatan Islam di Malaysia dan kesinambungan dakwah di negara ini.

Kata Kunci: Hadis, Bukan Muslim, Gerakan Dakwah, IKRAM, ISMA.

ABSTRACT

The approach to non-Muslims among the da'wah movement in Malaysia has brought different approaches especially in relation to political relations with non-Muslims. This matter has implications in the selection and understanding by the dakwah movement of the hadiths that deal with non-Muslim approaches. This article discusses the hadiths relating to non-Muslims approach to the Dakwah Movement in Malaysia. The da'wah movement which is the focus of the study in looking at these hadiths is the two NGOs in Malaysia namely the Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) and the Ikram Malaysia Organization (IKRAM). The studied Hadiths include the aspects of reconstruction and understanding of the approach to Non-Muslims among the Da'wah Movement. The findings show that the hadiths used by both da'wah movements have become similar and differentiated in the understanding of the approach towards non-Muslims in Malaysia. Equality is related to the understanding of the issue of al-Insaniah or the virtues of humanity towards non-Muslims. While the issue of difference is the aspect of political relations with non-Muslims where ISMA looks at the political situation in Malaysia with a view to disagree with the approaches in non-Muslim co-political (tahaluf siyasi) arrangements besides bringing the traditions that lead to the ban. While IKRAM is more concerned with building a non-Muslim political relationship and looking at good governance in government as well as the opportunity to convey dakwah and Islamic voices to non-Muslims. The implications of this study provide an understanding that the discussion of these hadiths is ijithadi by both da'wah movements and each view has its own justification and argument in an effort to safeguard the welfare of Islam in Malaysia and the continuity of da'wah in this country.

Keywords : Hadis; Non Muslim; Da'wah Movement; IKRAM; ISMA

PENGENALAN

Muamalah dan pendekatan terhadap golongan bukan Muslim dalam kerajaan yang ditadbir oleh Islam memiliki asas di dalam Sirah Nabi S.A.W semasa pentadbiran kerajaan Islam Madinah. Perkara tersebut tercatat di dalam Sahifah Madinah yang merupakan perlumbagaan pertama petadbiran Islam dan golongan Yahudi merupakan golongan bukan Muslim dalam masyarakat Islam ketika itu. Walaubagaimanapun, akhlak dan pendekatan yang baik terhadap golongan bukan Muslim ini hanya terbatas dari aspek hubungan kemanusiaan sahaja dan tidak melibatkan aspek akidah. Perkara ini adalah bagi menjamin prinsip Islam tidak tergadai dengan hujjah toleransi antara agama (Ruhaiyah Abdul Ghani, Jaffary Awang 2020, Nur Farhana Abdul Rahman et.al. 2020). Kebaikan yang perlu dilakukan dan disebarluaskan sesama manusia adalah tidak membawa seseorang Muslim menggadaikan prinsip yang perlu dipegang di dalam Islam. Tujuan kebaikan tersebut adalah untuk membentuk kehidupan yang harmoni (*al-taayush al-silmi*) antara penganut Muslim dan bukan Muslim (Mohd Zuhdi et. al 2020). Di Malaysia, latarbelakang masyarakatnya adalah majmuk dan memiliki keunikannya dengan kepelbagaiannya agama dan bangsa. Perkara ini menjadi cabaran khususnya berkaitan ijtihad dalam menilai amalan rentas agama dan bangsa yang wujud di Malaysia ini (Wan Zulkifli Wan Hasan et. al : 2016). Pendekatan terhadap golongan bukan Muslim dalam Gerakan dakwah juga memiliki pendekatan tersendiri kepada bukan Muslim khususnya apabila melibatkan isu politik (Muhammad Arif Yahya: 2015). Artikel ini secara khusus melihat kepada isu pendekatan terhadap golongan bukan Muslim menurut gerakan dakwah di Malaysia yang dipilih iaitu Pertubuhan IKRAM Malaysia dan Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA). Perkara yang menjadi fokus kajian ialah mengenai hadis-hadis yang berkaitan yang menjadi pegangan dan landasan sebagai asas dakwah dalam kedua-dua badan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) tersebut.

HADITH SEBAGAI SUMBER DALAM GERAKAN DAKWAH

Dakwah mempunyai kedudukannya yang tinggi di dalam Islam. Tidak ada yang lebih baik perkataan selain perkataan yang diungkapkan untuk tujuan

berdakwah. Dakwah adalah merupakan tugas yang paling disukai Allah s.w.t. Firman Allah s.w.t :

Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang soleh, sambil berkata: “Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-bulat kepada Allah)!“.

Fussilat 41 : 33.

Di dalam sebuah hadith yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, menceritakan tentang kelebihan orang yang mengajak kepada kebaikan Islam:

Daripada Abu Hurairah r.a. bahwasanya Rasulullah SAW telah bersabda

“sesiapa yang mengajak (orang lain) kepada petunjuk (Islam) maka baginya pahala sepertimana pahala orang yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikitpun dari pahala orang yang mengikutinya. Dan sesiapa yang mengajak kepada kesesatan maka baginya dosa sepertimana dosa-dosa mereka yang mengikutinya tanpa dikurangkan sedikit pun dari dosa-dosa orang yang mengikutinya.”

(Hadith Riwayat Muslim, Kitab al-'Ilm, Bab Man Sanna Sunnah Hasanah aw Sayyi'ah wa man Da'a Ila Huda, no hadith 2674).

Sebahagian besar hadith-hadith Nabi SAW adalah merupakan seruan kearah mentaati perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Selain itu juga, Nabi SAW diutus sebagai *da'i* kepada ummat manusia sepertimana jelas dalam ayat berikut :

“Wahai Nabi, Sesungguhnya Kami mengutusmu sebagai saksi (terhadap umatmu), dan pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman) serta pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar), (45) dan juga sebagai penyeru (umat manusia seluruhnya) kepada ugama Allah Dengan taufiq yang diberiNya; dan sebagai lampu yang menerangi. (46).”

Al-Ahzab 33: 45-46.

Nabi SAW diutuskan untuk menyampaikan dakwah Islam kepada umat akhir zaman. Peranan Nabi SAW adalah sebagai *da'i* yang membawa risalah Islam dengan menyuruh manusia melakukan apa yang Allah perintahkan dan menjauhi segala apa yang Allah larang. Oleh sebab itu, kandungan hadith-hadith Nabi SAW adalah merupakan rujukan penting untuk para pendakwah dalam menyampaikan dakwah mereka. (Yusuf al-Qaradawi : 1990).

Selain itu, sirah Nabi SAW juga dijadikan sebagai sumber pengajaran penting yang boleh diambil oleh para pendakwah dalam meneruskan tanggungjawab dakwah mereka. Yusuf al-Qaradawim menyebutkan di dalam bukunya: *Bagaimana Berinteraksi dengan Sunnah Nabi SAW*:

Hadith Nabi SAW merupakan sumber kedua selepas al-Quran untuk dijadikan bahan dan panduan bagi para *da'i* dalam berdakwah. Ia adalah khazanah yang tidak akan habis untuk dijadikan bahan dakwah bagi para pendakwah dalam syarahannya apabila dia bersyarah, dalam nasihatnya apabila dia memberi nasihat dan dalam pengajarannya apabila dia mengajar. Di dalam Sunnah juga terdapat panduan-panduan yang jelas dan terang serta hujah-hujah yang menyakinkan, hukum-hukum yang mantap kuat, kata-kata yang padat berisi, nasihat-nasihat yang berkesan, perumpamaan (contoh-contoh) yang dapat dijadikan pengajaran, cerita-cerita yang mempunyai motif, bermacam-macam suruhan dan larangan, janji baik dan janji buruk, galakan dan ancaman/peringatan yang dapat melembutkan hati-hati yang keras, penggerak azam (jiwa) yang membangkitkan akal-akal yang lalai. Al-sunnah berjalan seiring dengan al-Quran dalam pembicaraannya, kepada setiap aspek yang ada pada manusia iaitu akal dan hatinya, ia berusaha untuk membentuk satu keperibadian Muslim yang sempurna, yang mempunyai akal yang cerdik, celik hatinya dan kuat jasmaninya.

(Yusuf al-Qaradawi : 1994)

Berdasarkan huraian di atas menunjukkan bahawa sunnah dan hadith-hadith Rasulullah SAW adalah merupakan sumber kedua dalam pelaksanaan dakwah selain kitab al-Quran al-Karim. Ini adalah kerana Rasulullah SAW sendiri diutuskan sebagai seorang *da'i* dalam menyampaikan dakwah dan menjadi kewajipan kepada para pendakwah masa kini untuk menjadikan hadith sebagai panduan dan bimbingan dalam dakwah selain kitab al-Quran al-Karim.

PENGENALAN IKRAM DAN ISMA DALAM GERAKAN DAKWAH DI MALAYSIA

Gerakan dakwah di Malaysia boleh dikategorikan dengan dua pendekatan iaitu gerakan dakwah yang terlibat dalam isu politik tanah air dan gerakan dakwah yang tidak terlibat dalam politik tanah air. Kajian ini lebih menfokuskan kepada gerakan dakwah dalam kategori yang pertama dan secara lebih khususnya memilih Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang bergerakan sebagai badan dakwah dengan memilih IKRAM dan ISMA sebagai fokus kajian utama. Pengenalan ini hanyalah secara ringkas bagi melihat latar belakang dakwah bagi kedua-dua pertubuhan ini. IKRAM atau nama penuhnya ialah Pertubuhan IKRAM Malaysia (IKRAM) sebelumnya dikenali dengan nama Jamaah Islah Malaysia (JIM) yang ditubuhkan pada 27 Julai 1990. JIM dibubarkan pada 5 Julai 2013 dengan tujuan dan hasrat untuk menyepakukan semua sumber dan organisasinya dibawah organisasi baru iaitu Pertubuhan IKRAM Malaysia (www.Ikram.org.my). Institusi-institusi serta badan yang

bernaung di bawah JIM samaada dalam pendidikan, kesihatan, dakwah *non Muslim*, ekonomi, kebajikan serta bantuan untuk umat sejahtera, diurus tadbir sepenuhnya di dalam pertubuhan baru IKRAM. Di dalam pendidikan, wujud institusi Musleh di bawah IKRAM yang mempunyai rangkaian sekolah-sekolah Rendah Islam (SRI) dan Menengah Islam (SMI) di seluruh Malaysia. Terdapat 21 rangkaian sekolah di bawah Institusi Ikram-Musleh di seluruh Malaysia yang terdiri daripada sekolah rendah dan menengah (www.musleh.edu.my). Badan yang menguruskan dakwah untuk saudara baru dan *non Muslim* diletakkan dibawah institusi yang diberi nama Hidayah Centre (www.hidayahcentre.wordpress.com). Program khusus mengenai Islam untuk diperkenalkan kepada *non Muslim* sebagai pendekatan dakwah telah dilakukan oleh IKRAM melalui institusi Hidayah Centre ini antaranya *Open Your Eyes Dinner : Why Islam?*, *Public Talk : Jesus Dalam Bible dan al-Quran*, *Interfaith Dialogue : The Concept of God* (Muhammad Arif Yahya: 2015). Institusi yang menguruskan kesihatan di dalam IKRAM diberi nama *Ikram Health* ke arah memupuk masyarakat dengan pendekatan dakwah melalui isu-isu kesihatan ini. Sebagai respon kepada gejala sosial yang melanda masyarakat khususnya dengan berleluasanya anak luar nikah cuba ditangani oleh IKRAM melalui institusi yang dinamakan *Raudatus Sakinah* (RS). Institusi ini diwujudkan bagi membantu remaja yang telah terlanjur dengan membimbing mereka kembali kepada fitrah dan didikan Islam yang sebenar. IKRAM melalui pendekatan dakwah ini berusaha untuk menegakkan syariat Islam di Malaysia melalui slogan-dakwah yang telah ditetapkan oleh IKRAM dengan membawa gagasan “Malaysia Menuju Negara *Rahmah*”. Pendekatan ini lebih ketara selepas perhimpunan Tahunan IKRAM pada tahun 2015 dengan agenda utamanya kearah membentuk pendekatan dakwah yang *rahmah* di kalangan ahli-ahli IKRAM.

Manakala Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) telah ditubuhkan pada tahun 1997. Dengan menggunakan nama Ikatan Siswazah Muslimin Malaysia pada ketika itu, ISMA bergerak sebagai NGO yang membawa nama Islam sebagai tunjang perjuangan mereka. Presiden pertamanya adalah Dr Abdul Hadi Abd Rahman yang ketika itu membawa idea perjuangan melayu kelas pertengahan (Abdullah Zaik Abdul Rahman 2017). Setelah berlalu masa, ISMA semakin berkembang dan keahliannya semakin bertambah. Dengan berkembangnya dakwah ISMA di Malaysia, keahlian ISMA bukan hanya terhad untuk

para siswazah sahaja malah turut dibuka kepada semua masyarakat umum. Pada tahun 2005, nama Ikatan Siswazah Malaysia (ISMA) telah bertukar kepada Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA).

Sepertimana gerakan dakwah yang lain, ISMA turut mempunyai slogan yang menjadi mercu tanda perjuangan mereka. Slogan ISMA dalam menggerakkan dakwahnya sebelum PRU ke-12 ialah “Membina Generasi Harapan”. Namun, setelah berlalu PRU ke-12, telah muncul pelbagai isu-isu di Malaysia terutamanya berkaitan dengan politik dan hubungan dengan bukan Islam. Justeru, ISMA mula mengubah slogan dakwah mereka (Muhammad Arif Yahya 2015). ISMA memperkenalkan dua slogan baru setelah PRU ke-12 iaitu “Melayu Sepakat Islam Berdaulat” dan “Membina Umat Beragenda”.

ISMA telah memperkenalkan slogan “Melayu Sepakat Islam Berdaulat” bagi menyeru agar bangsa Melayu Islam bersatu bagi mendaulatkan agama Islam di bumi Malaysia. Menurut Presiden ISMA, bangsa melayu merupakan bangsa yang paling berpengaruh dan juga majoriti dalam kalangan ummah Islam di Malaysia. Jadi telah menjadi suatu keutamaan bagi bangsa Melayu untuk bersatu demi memperkuatkan lagi ummah Islam di Malaysia agar kemuliaan ummah Islam dapat digapai (Abdullah Zaik Abdul Rahman 2017).

Kemudian, muncul pula slogan yang juga diperkenalkan oleh ISMA iaitu “Membina Umat beragenda” untuk menyeru umat Islam di Malaysia agar cakna terhadap dua perkara. Perkara yang pertama ialah umat Islam perlu berwaspada dengan agenda musuh-musuh Islam yang ingin merosakkan aqidah umat Islam di Malaysia. Manakala perkara yang kedua ialah umat Islam mestilah memelihara identiti Islam itu sendiri serta perlu merancang agenda yang tersendiri bagi menangkis agenda musuh-musuh Islam. ISMA menumpukan dakwah mereka dalam kerangka persepakatan di antara bangsa Melayu yang beragama Islam yang sedang berpecah belah serta menganjurkan supaya mempunyai agenda yang jelas ketika menilai sesuatu isu yang berlaku di Malaysia (Abdullah Zaik Abd Rahman 2014). Slogan yang dibawa oleh ISMA ini mempengaruhi pendekatan dakwah mereka yang lebih melihat isu agenda bukan Muslim yang perlu diambil sikap yang lebih berhati-hati oleh umat Islam (Muhammad Arif Yahya : 2015). Isu kesatuan bangsa Melayu Muslim di Malaysia ini merupakan antara tumpuan utama yang diketengahkan oleh ISMA dan melihat perlunya pemerkasaan terhadap bangsa tersebut agar Islam di Malaysia ini dapat

bergerak dengan lebih baik. Perkara ini dapat difahami melalui dua slogan yang telah dinyatakan iaitu “Melayu Sepakat Islam Berdaulat” dan “Membina Umat Beragenda”. Perkara ini yang membezakan pendekatan dakwah di Malaysia antara ISMA dan IKRAM yang tidak menumpukan pada bangsa Melayu semata-mata malah lebih melihat pada isu yang lebih universal melalui slogan “Malaysia Menuju Negara Rahmah” serta isu tadbir urus negara yang baik (*good governance*) yang seringkali menjadi perbezaan pendekatan antara ISMA dan IKRAM dalam menilai isu politik di Malaysia (Maszlee Malik : 2017, Muhammad Arif Yahya : 2015).

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan metode kualitatif. Kajian ini secara khususnya menfokuskan kepada analisis hadis-hadis yang digunakan oleh dua gerakan dakwah yang dipilih iaitu IKRAM dan ISMA terutamanya berkaitan dengan pendekatan terhadap bukan Muslim walaupun terdapat juga dalil ayat al-Quran yang dijadikan dalil berkaitan isu ini. Temubual dan analisis terhadap dokumen rasmi gerakan dakwah yang dikaji telah dijalankan dalam mendapatkan maklumat dan data bagi tajuk kajian yang dipilih. Tokoh yang dipilih dikalangan pimpinan kedua-dua gerakan dakwah bagi menemubual dan mendapatkan pandangan mereka ialah Pimpinan IKRAM antaranya Dr. Parid Sheikh Ahmad (Presiden), Ustaz Burhanuddin Lukman (Naib Presiden merangkap Pengerusi Jawatankuasa Ulama), En Zaid Kamaruddin (Naib Presiden), Ustaz Tajul Ariffin Che Zakaria (AJK Pusat), Ustazah Maznah Daud (Bekas Ketua Wanita). Manakala di kalangan pimpinan ISMA hanya dua orang pimpinan yang dapat ditemubual kerana penulis tidak mendapat maklumbalas daripada tokoh ISMA yang lain setelah dibuat permohonan untuk ditemubual. Dua tokoh ISMA yang dimaksudkan ialah Ustaz Abdullah Zaik Ab Rahman (Presiden), Ustazah Dr. Norsaleha Mohd Salleh (Ketua Wanita). Hadis-hadis terpilih yang dimaksudkan ialah hadis yang dipilih oleh penulis sendiri sebagai pendekatan terhadap bukan Muslim di dalam soalan temubual. Terdapat juga sebahagian hadis yang dipilih oleh pimpinan gerakan dakwah samaada di pihak IKRAM atau ISMA sesuai dengan pendirian masing-masing berkaitan pendekatan terhadap golongan bukan Muslim khususnya di Malaysia ini. Penilaian terhadap hadis-hadis yang dipilih serta pemahaman

yang dikemukakan oleh kedua-dua gerakan dakwah dianalisis mengikut pemahaman ulama hadis berdasarkan kitab syarah hadis yang utama.

HASIL DAN PERBINCANGAN

Hasil analisis dalam gerakan dakwah di Malaysia khususnya dalam IKRAM dan ISMA berkaitan pendalilan hadis serta pemahamannya dalam isu berkaitan pendekatan terhadap bukan Muslim menunjukkan perbezaan metode pemahaman dalil yang dikemukakan oleh kedua-dua gerakan dakwah inikhususnya yang melibatkan isu politik. Dalil-dalil hadis yang dikemukakan di dalam IKRAM lebih banyak mengenangkan isu kebaikan yang perlu diberikan kepada bukan Muslim selama mana mereka tidak memusuhi Islam. Selari dengan slogan yang dikemukakan oleh IKRAM mengenai *rahmah* yang menjadi asas pendekatan dakwah badan ini, hadis-hadis yang dijadikan dalil juga membawa kearah pendekatan yang baik dan akhlak yang perlu ditunjukkan oleh umat Islam di Malaysia ini kepada golongan bukan Islam. Menurut Ustaz Burhanuddin Lukman, Ahli politik atau sesiapa sahaja tidak boleh sewenang-wenangnya untuk mengategorikan *kafir harbi* terhadap golongan bukan Islam di Malaysia ini jika semata-mata golongan ini menyatakan pandangan mereka terhadap undang-undang Islam dan juga mahkamah syariah (Burhanuddin Lukman: 2017). Perkara ini adalah hak mereka untuk memberi pandangan mengikut undang-undang yang bersesuaian di Malaysia ini selagi tidak melanggar undang-undang yang termaktub dalam perlembagaan. Perkara ini juga merupakan antara prinsip utama dalam hubungan Muslim dengan bukan Muslim dengan memberikan hak yang berpatutan kepada mereka dalam pengamalan agama (Azarudin Awang et al 2018). Menurut Ustaz Burhanuddin lagi, undang-undang memberi kebebasan untuk mengeluarkan pendapat dan pandangan bagi warganegara yang sah menghuni negara ini. Perkara tersebut adalah hak mereka untuk tidak bersetuju kerana umat Islam juga tidak boleh menyangka bahawa semua orang akan bersetuju dengan ketetapan yang telah dibuat dalam negara ini. (Burhanuddin Lukman: 2017). Pertubuhan IKRAM lebih mengambil pendekatan memberi gambaran dakwah yang bersifat *rahmah* dan tidak bersifat bermusuh dengan bukan Muslim selagimana mereka tidak terbukti bermusuh daripada sudut undang-undang. Pendekatan seperti ini dilihat memberi peluang untuk mendengar pandangan mereka

berkaitan Islam sebagai salah satu tindakan dakwah yang dibawa oleh IKRAM. Perkara ini sepetimana dapatkan kajian oleh Muhammad Arif Yahya (2015) bahawa pertubuhan IKRAM mengambil pendekatan membina hubungan (*engagement*) dengan golongan bukan Muslim sebagai suatu inisiatif untuk menyuarakan pandangan Islam kepada golongan bukan Muslim (Muhammad Arif Yahya : 2015). Perkara ini sebagai salah suatu pilihan yang diambil oleh IKRAM dalam menilai pendekatan dakwah di Malaysia ini yang dilihat sebagai peluang menarik golongan bukan Muslim kepada agama Islam itu sendiri. Menurut Ustaz Burhanuddin lagi, ayat al-Quran daripada Surah al-Mumtahanah ayat ke 60 tidak melarang umat Islam untuk berbuat baik kepada bukan Muslim. Ayat ini menurut beliau ialah pendekatan ketika di dalam situasi perang maka sudah tentu ketika bukan di dalam situasi perang malah tinggal di dalam sebuah negara yang sama sepetimana di Malaysia ini serta mempunyai hak yang sama sebagai warganegara sudah tentu amat dituntut untuk menunjukkan akhlak kebaikan kepada golongan bukan Islam ini (Burhanuddin: 2017). Burhanuddin menggunakan kaedah: «لَهُمْ مَا لَنَا وَعَلَيْهِمْ مَا عَلَيْنَا» iaitu orang bukan Islam yang mempunyai hak yang sama sebagai warganegara walaupun kaedah ini dipertikaikan daripada sudut kesahihannya namun banyak digunakan oleh *fuqaha* (ahlalhdeeth : 2008).

Hadis lain yang dikemukakan oleh Ustaz Burhanuddin ialah mengenai tindakan Saidina Umar r.a memberikan hadiah kepada saudaranya yang musyrik. Hadis yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

“Umar pernah melihat pakaian yang dibeli oleh seseorang kemudian ia pun berkata kepada Nabi s.a.w “Belilah pakaian seperti ini, pakailah ia pada hari Jumaat dan ketika didatangi tetamu””Nabi s.a.w berkata “Sesungguhnya yang memakai pakaian seperti ini tidak mendapat bahagian kebaikan di akhirat”. Kemudian Rasulullah s.a.w dibawa beberapa pakaian dan baginda memberikan sebahagiannya kepada Umar r.a. Umar pun berkata : Mengapa aku dibolehkan memakainya sedangkan engkau ya Rasulullah s.a.w menyebutkan bahawa mereka yang memakai pakaian seperti ini tidak akan mendapat bahagian di akhirat kelak? Nabi s.a.w menjawab : “Aku tidak mahu memakai pakaian ini agar engkau dapat memakainya, jika engkau tidak mahu, maka engkau jual saja atau tetap memakainya”. Kemudian Umar menyerahkan pakaian tersebut kepada saudaranya di Mekah sebelum saudaranya tersebut masuk Islam.

(Hadis riwayat Bukhari)

Ustaz Burhanuddin mengemukakan hadis ini bagi menyokong perbuatan kebaikan kepada

orang bukan Islam tidak ditegah di dalam Islam (Burhanuddin : 2017). perkara ini sudah semestinya dalam isu kemanusiaan dan bukannya dari aspek keagamaan. IKRAM melihat perbezaan daripada sudut kebudayaan yang tidak melibatkan aspek akidah (Zaid Kamaruddin: 2017). Pendekatan dakwah yang diketengahkan oleh IKRAM kepada bukan Muslim adalah dengan pendekatan perdamaian dan tidak banyak mengeluarkan pandangan yang dilihat bermusuhan dengan bukan Islam. Walaupun ada beberapa pandangan dan pendirian yang tidak dipersetujui oleh IKRAM dengan bukan islam dan menyatakan pendirian Islam dalam isu tersebut sepertiterlibat dalam Gabungan bertindak Malaysia (GBM) yang dianggotai sejumlah 24 pertubuhan yang banyak daripada bukan Muslim dan IKRAM merupakan satu-satu pertubuhan dakwah yang terlibat dalam gabungan tersebut (Muhammad Arif Yahya: 2015). GBM lebih banyak dianggotai oleh pertubuhan bukan Muslim dan liberal yang memperjuangkan isu pendidikan, perpaduan nasional serta ekonomi kearah kesejahteraan negara Malaysia. Selain itu, IKRAM terlibat dalam gabungan NEGARA-KU (Gerakan Rakyat Untuk Menebus Kembali Negara Malaysia) dengan objektif untuk menangani isu yang melibatkan ketegangan kaum, agama dan politik yang dicetuskan oleh pelbagai pihak. Gabungan seperti ini yang tidak dipersetujui oleh pertubuhan dakwah lain termasuk ISMA (www.ismaweb.net:2014). Pendekatan yang diambil oleh IKRAM ini adalah dengan tujuan untuk memberi sokongan dalam isu tatakelola kerajaan yang baik (*good governance*) yang juga dilihat selari dengan ajaran Islam (Maszlee Malik 2016, 2017). Namun pendekatan gerakan dakwah yang lain seperti ISMA melihat bahawa perkara ini sebagai memberi wala' dan sokongan apabila membuat pendirian untuk bergabung sepertimana yang telah dilakukan oleh IKRAM ini. IKRAM lebih mengambil pendirian untuk terus bergabung dengan kumpulan bukan Muslim ini dalam isu-isu tertentu yang dilihat menyentuh aspek politik dan tatakelola urus tadbir kerajaan dan tidak pada isu akidah dan keagamaan (Muhammad Arif Yahya: 2015). Mengkategorikan bukan islam sebagai *Kafir Harbi* (kafir yang dimusuhi) di Malaysia ini juga tidak dipersetujui oleh IKRAM. Menurut Ustaz Burhanuddin Lukman, tidak boleh bagi umat Islam mengkategorikan bukan Islam di Malaysia ini sebagai *Kafir Harbi* hanya semata-mata mereka menyatakan pandangan atau mempersoalkan suatu perkara yang mereka tidak persetujui seperti undang-undang Islam atau mahkamah syariah

(Burhanuddin : 2017). Menurut Ustaz Burhanuddin lagi, secara umumnya orang bukan islam di Malaysia di kategorikan sebagai *Kafir Zimmi* (Kafir yang tidak boleh dimusuhi dan mempunyai ikatan perjanjian) sehingga terbukti mereka menjadi musuh atau pengkhianat kepada negara, bersekongkol untuk memusnahkan atau memudharatkan negara maka pada ketika itu barulah pengkategorian tersebut terbatal (Burhanuddin : 2017). Oleh yang demikian, hadis yang dikemukakan oleh IKRAM dalam isu hubungan dengan bukan Muslim ialah hubungan dakwah berdasarkan pendekatan yang diambil oleh IKRAM. Hadis yang dikemukakan lebih menjurus kearah aspek perlunya kebaikan disebarluaskan kepada golongan bukan Muslim tersebut.

Ustazah Maznah Daud juga mengemukakan pendekatan yang sama apabila mengemukakan hadis berkaitan bagaimana Asma' binti Abu Bakar telah melakukan kebaikan kepada ibunya yang masih musyrik. Hadis yang dimaksudkan ialah:

Dari Asma' binti Abu Bakar RA, ia berkata, "Pada masa Nabi SAW masih hidup ibuku datang kepadaku sedang dia itu masih musyrik. Lalu saya meminta pertimbangan atau fatwa kepada Rasulullah SAW, Sesungguhnya ibuku datang kepadaku dengan mengharapkan kebhaktianku kepadanya. Maka apakah aku boleh berbuat baik kepadanya?". Beliau SAW bersabda, "Ya, tetaplah kamu menyambung-nya dan berbuat baik kepadanya". Kemudian Allah menurunkan ayat (yang artinya), "Allah tidak melarang kepadamu untuk berbuat baik dan berlaku adil dengan orang-orang yang tidak memerangi kamu sebab agama, dan tidak mengusir kamu dari kampungmu. Sesungguhnya Allah itu senang kepada orang-orang yang berlaku adil".

(QS. Al-Mumtahanah : 8)

Berdasarkan perbincangan dan hadis yang telah dikemukakan oleh pimpinan IKRAM menunjukkan bahawa sikap dan pendekatan IKRAM terhadap golongan bukan Muslim di Malaysia ini dengan mengambil pendekatan menyebarkan kebaikan kepada mereka. Perkara ini sepertimana hadis-hadis yang umum dalam aspek membina hubungan kepada bukan Muslim serta penekanan aspek akhlak kepada golongan tersebut. IKRAM juga tidak melihat aspek gabungan dan sokongan dalam isu politik di Malaysia dengan golongan bukan Muslim dalam kategori larangan di dalam Islam serta lebih melihat isu tatakelola dan tadbir urus sebagai perkara utama untuk dibuat pembaikan.

Manakala pandangan ISMA dalam isu pendekatan terhadap golongan bukan Muslim diwakili oleh dua pimpinan tertinggi iaitu Ustaz Abdullah Zaik Abd Rahman dan Ustazah Dr. Norsaleha Mohd Salleh. Menurut Ustaz Abdullah Zaik Abd Rahman bahawa

kebanyakan yang mengambil dalil hadis berkaitan pendekatan terhadap golongan bukan Muslim adalah dalam isu pergaulan harian. Sedangkan isu pendirian politik adalah berbeza dengan pergaulan harian (Abdullah Zaik : 2017). Abdullah Zaik lebih memilih untuk melihat ayat al-Quran dalam isu pendekatan terhadap bukan Muslim ini. Beliau mengemukakan ayat ke 8 daripada Surah al-Mumtahanah. Menurut Abdullah Zaik, ayat ini menunjukkan bahawa Allah tidak mlarang untuk berbuat kebajikan kepada orang bukan Muslim serta memberi keadilan kepada mereka selama mana mereka tidak memerangi umat Islam dan tidak mengeluarkan mereka daripada tanah air mereka. Menurut beliau lagi, pendekatan cuba mencabar kedudukan umat Islam dan juga menafikan hak umat Islam boleh merujuk kepada golongan yang terdapat di dalam ayat ini (Abdullah Zaik : 2017). Oleh yang demikian terdapat dua kerangka penting menurut Abdullah Zaik dalam mengenali golongan bukan Muslim yang tidak dilarang untuk melakukan kebajikan kepada mereka iaitu tidak memerangi atau memusuhi kerana agama dan tidak mengeluarkan umat Islam daripada tanah air mereka. Maka batasan untuk berbuat kebaikan dan kebajikan terhadap golongan bukan Muslim adalah terhad pada dua aspek tersebut (Abdullah Zaik : 2017).

Selain itu, menurut Abdullah Zaik, ayat al-Quran daripada Surah al-Taubah ayat 29 yang berkaitan dengan *jizyah* menyebutkan bahawa golongan bukan Islam memberi *jizyah* dalam keadaan mereka merendah diri dan tidak menyombong diri «حتى يعطوا الجزية عن بد وهم صاغرون» (Abdullah Zaik: 2017). Oleh yang demikian, golongan bukan Islam apabila tinggal di dalam negara Islam perlu merendah diri. Apabila mereka meninggi diri, serta memperlekeh atau menghina peribumi maka mereka telah melanggar syarat *muwatnah* (kewarganegaraan) yang telah diberikan kepada mereka maka syarat itu yang sepatutnya golongan bukan Islam hormati. (Abdullah Zaik: 2017). Menurut Abdullah Zaik, dalam setiap negara yang kita pergi perlu menghormati peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan di dalam negara tersebut. Sebagai contoh, tidak dibenarkan melaungka azan di United Kingdom maka umat Islam yang berada di sana perlu mematuhi undang-undang tersebut (Abdullah Zaik: 2017). Begitulah situasi yang sama bagi golongan bukan Islam yang tinggal di dalam negara Malaysia ini menghormati undang-undang Islam yang dilaksanakan di negara ini (Abdullah Zaik: 2017). Apabila golongan bukan

Islam ingin mengangkat syiar lain lebih tinggi dari syiar Islam atau ingin mengubah identiti Islam Melayu kepada identiti yang lain, maka perkara itu sudah di luar batas yang telah ditetapkan (Abdullah Zaik: 2017). Oleh yang demikian, hadis yang membincangkan aspek hubungan dengan golongan bukan Islam adalah daripada aspek hubungan kemanusiaan atau muamalah harian dan perkara tersebut disepakati serta tiada perbezaan pandangan. Namun dalam konteks hubungan politik serta isu *Siyasah Syariyyah* perlu dilihat juga ayat-ayat al-Quran yang berkaitan dalam memahami isu pendekatan terhadap golongan bukan Muslim ini (Abdullah Zaik: 2017).

Manakala menurut Ustazah Dr. Norsaleha bahawa ISMA mengiktiraf bukan Muslim sebagai sebahagian daripada warganegara sepertimana termaktub dalam perlumbaan dan ISMA menghormati perkara tersebut (Norsaleha: 2017). ISMA tidak melihat bukan Islam sebagai musuh selama mana golongan bukan Islam di Malaysia ini tidak bersikap bermusuh dengan umat Islam atau mengancam keberadaan Melayu yang beragama Islam sebagai peribumi dan warga utama di Malaysia ini (Norsaleha: 2017). Perkara ini yang sering disalah fahami berkaitan pendirian ISMA terhadap bukan Islam terutamanya di media sosial yang melihat ISMA bermusuh dengan golongan bukan Muslim ini (Norsaleha: 2017). ISMA tidak bermusuh dengan bukan Muslim akan tetapi ISMA hanya meletakkan sikap waspada apabila terdapat pendirian yang dilihat mengancam kedudukan umat Islam serta memberikan mesej bahawa mereka mengganggu pendirian dan keputusan yang dibuat masyarakat Islam berkaitan isu di Malaysia (Norsaleha : 2017). Sebagai contoh kes Hudud yang ingin dilaksanakan oleh kerajaan Kelantan dan ISMA menyokong pendirian dalam mewartakan Hudud di negeri tersebut yang hanya dilaksanakan kepada orang Islam sahaja. Namun pendirian yang ingin diambil oleh kerajaan Kelantan tersebut diancam oleh gerakan MCA (Malaysian Chinese Association) untuk menyaman kerajaan negeri Kelantan sekiranya dilaksanakan juga hukum Hudud tersebut (Norsaleha : 2017). Perkara ini yang diambil serius oleh ISMA kerana hukum Hudud tersebut tidak melibatkan golongan bukan Islam dan hanya dilaksanakan kepada orang Islam sahaja.

Pendekatan ISMA yang dilihat seperti ‘bermusuh’ dengan golongan bukan Muslim apabila ISMA pernah menyuarakan pandangan kepada kaum China di Malaysia ini sebagai pendatang (Ismaweb.

net). Pandangan ini telah menimbulkan sikap yang tidak disenangani khususnya oleh bukan Muslim terhadap ISMA kerana pandangan tersebut berbaur perkauman (Astro Awani: 2014). Berdasarkan maklumat yang telah dikemukakan oleh pimpinan ISMA menunjukkan bahawa hadis-hadis tidak menjadi pertikaian dalam ISMA mengenai kebaikan yang perlu disebarluaskan kepada golongan bukan Muslim. Pimpinan ISMA mengemukakan juga ayat al-Quran dalam menguatkan pendirian mereka bahawa pendekatan terhadap golongan bukan Islam di Malaysia ini terutamanya dalam melaksanakan kebaikan kepada mereka ada batas yang telah ditetapkan di dalam Islam khususnya bagi golongan bukan Muslim yang mengambil tindakan memusuhi dan menyuarakan hak dan pandangan mereka terhadap Islam dan masyarakatnya di Malaysia ini. Perkara ini yang menjadi titik perbezaan dalam isu penglibatan politik bersama kumpulan bukan Muslim. ISMA lebih mengambil pendirian tidak membenarkan dan IKRAM mengambil pendirian untuk membenarkan perkara tersebut. Namun perkara ini tidak dikemukakan hadis yang berkaitan dalam menguatkan hujjah masing-masing. Hanya ayat al-Quran yang dikemukakan oleh ISMA.

KESIMPULAN

Hadis-hadis yang membincangkan aspek hubungan dengan bukan Muslim adalah dalam isu kemanusian dan tidak melibatkan isu akidah. Kedua-dua gerakan dakwah ini tidak mempunyai perbezaan dalam memahami hadis-hadis yang dikemukakan. Perbezaan pendekatan terhadap bukan Muslim oleh gerakan dakwah di Malaysia ini khususnya IKRAM dan ISMA adalah berkait rapat dengan pendirian terhadap hubungan politik di Malaysia ini. Hadis-hadis yang dikemukakan berkaitan isu tersebut dalam aspek kemanusian iaitu berbuat baik kepada bukan Islam dan seumpamanya tidak menjadi perbezaan pandangan yang ketara. Namun dalam menilai sikap bukan Islam khususnya suara dan pandangan mereka terhadap agama Islam di Malaysia ini yang menjadi perbezaan pandangan dalam gerakan dakwah di Malaysia terutamanya IKRAM dan ISMA. Satu pendekatan yang ingin bersikap tegas terhadap bukan Islam. Satu pendekatan lagi mengambil pendirian untuk terus membina hubungan (engagement) dengan bukan Muslim bertujuan untuk menyampaikan dakwah dan suara Islam kepada bukan Muslim.

PENGHARGAAN

Penghargaan kepada Universiti Kebangsaan Malaysia kerana telah memberi peluang kepada penulis menjalankan kajian ini dengan kelulusan dana melalui projek berikut : “Penggunaan Hadis-Hadis Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia” kod penyelidikan (GGPM-2016-048) yang diketuai oleh Dr. Muhammad Arif Yahya.

RUJUKAN

- Abdullah Zaik Abd Rahman. 2017. Temubual berkaitan tajuk “Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia: Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Abdull Rahman Mahmood, Jaffary Awang, Zakaria Stapa. 2015. Survival Politik Muslim Malaysia. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Astro Awani, “ISMA digesa berhenti Putar Belit Fakta Sejarah Kaum Cina-MCA”, 9 Mei 2014, www.astro awani.com/berita-malaysia/isma-digesha-berhenti-putar-belit-fakta-sejarah-kaum-cina-mca-35484.
- Azarudin A., Azman C. M., Wahairi M. 2018. Medium Komunikasi *Intrapersonal* dalam Dialog antara Agama Komuniti Saudara Baru, *Jurnal Akademika* 88 (3): 43-54.
- Burhanuddin Lukman. 2017. Temubual berkaitan tajuk “Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia : Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Khadijah M. K., Azarudin A., Suraya S., Nur Farhana A. R., Wan Adli W. R., Khairul Nizam M. K. 2017. Muhamir Penjana Interaksi dan Toleransi Beragama Saudara Baru-Muslim – Non-Muslim. *Jurnal Akademika* 87 (2): 63-76.
- Maszlee Malik. 2017. Pertubuhan Jamaah Islam Malaysia And Good Governance (1991-2012), *Jurnal Ulum Islamiyyah* Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), vol. 21 (Ogos), 1-14.
- Maszlee Malik. 2016. Tatakelola Kerajaan yang Baik (*Good Governance*) : Gerakan Islam dan Rashid al-Ghannouchi, *Jurnal Ulum Islamiyyah* Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), vol. 17 (Jun).
- Maznah Daud. 2017. Temubual berkaitan tajuk “Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia: Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Mohd Anuar R., Mohammad Aizat J. 2011. Uruf majmuk: Konsep dan amalannya dalam masyarakat majmuk di Malaysia. *Jurnal Fiqh* 8: 45-64.
- Mohd Zuhdi Ahmad Khasasi, Ahmad Dahlan Salleh, Mohammad Zaini Yahaya. 2020. Seruan Melestarikan Hubungan Sosio-agama Melalui Pendekatan Fiqh al-Ta’ayush, *Jurnal Akademika* 90(2): 149-164.

- Mohammad Nidzam Abd Kadir. 2009. *Fiqah Berinteraksi Dengan Non Muslim*. Kuala Lumpur : Telaga Biru.
- Muhammad Arif Y. 2015. *al-Manhaj al-Haraki* Dalam Penulisan Sayyid Muhammad Nuh Menurut Perspektif Hadith : Aplikasi Dalam Isu-Isu Semasa Gerakan Dakwah Di Malaysia, Tesis PhD, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Muslim bin al-Hajjaj al-Naysaburi. *T.t.Sahih Muslim*, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi: t.t), 4: 2060.
- Niteh, M. Y., Aminudin, B., Abdul Latif S. 2017. *Haq al-Bina' al-Ma' abid Li Ghayr al-Muslimin fi Maliziya* (The Right for Non-Muslim to Build Worship Centeres in Malaysia). *Jurnal Hadhari* 9 (2): 239-259.
- Norsaleha Mohd Salleh. 2017. Temubual berkaitan tajuk "Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah di Malaysia: Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Nur Farhana A. R., Khadijah M. K, Jaffary Awang, Zul 'Azmi Y., Nur Solehah Shapiee. 2020. Memahami agama lain asas toleransi beragama : Tujuan dan syarat dari perspektif pemimpin agama di Malaysia. *Jurnal Akademika* 90(2): 165-179.
- Parid Sheikh Ahmad. 2017. Temubual berkaitan tajuk "Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia: Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Qaradawi, Y. 1990. *Kayfa Nata'amal Ma'a al-Sunnah al-Nabawiyyah*, Virginia; al-Ma'ahad al-'Alami li al-Fikr al-Islami ,61.
- Qaradawi, Y. 1994. Bagaimana Berinteraksi Dengan al-Sunnah, terj.Udah Mohsin dan Jawiah Dakir, Petaling Jaya; Angkatan Belia Islam Malaysia.
- Ruhaizah Abdul Ghani, Jaffary Awang. 2020. *Tasamuh Versus Tolerance as Practical Approach to Encounter the Conflicting Issue*. *Jurnal Akademika* 90 (1):15-23.
- Wan Zulkifli W. H., Nabilah A., Jamsari A., Azizi U., Nazri M.. 2016. Maqasid Syariah Dalam Pembinaan Fatwa Berkaitan Amalan Rentas Agama dan Rentas Budaya di Malaysia. *Jurnal al-Hikmah* 8 (2): 128-147. www.ahlalhdeeth.com/vb/archive/index.php/t-133826.html.
- Zaid Kamaruddin. 2017. Temubual berkaitan tajuk "Penggunaan Hadith Dalam Gerakan Dakwah Di Malaysia: Kajian Dalam IKRAM dan ISMA (Tema Interaksi Dengan Bukan Muslim).
- Muhammad Arif Yahya (corresponding author)
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
 Email :arifyahya@ukm.edu.my
- Muhammad Haikal Mohd Hedzir
 Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah
 Fakulti Pengajian Islam
 Universiti Kebangsaan Malaysia
 43600 Bangi
 Selangor Darul Ehsan
 Malaysia
 Email :haikalhedzir@gmail.com.

Received: 20 April 2019

Accepted: 29 August 2020